

22 OCT 2001

PETRONAS-MESRALINK

KENAIKAN HARGA PETROL TAK UNTUNGAN SYARIKAT MINYAK

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter tidak akan memberi kesan kepada syarikat-syarikat minyak.

"Kenaikan harga petrol dan diesel adalah untuk mengurangkan paras subsidi kerajaan. Ia tidak memberi kesan kepada syarikat minyak," kata pengerusi Petronas Dagangan Bhd, Tan Sri Mohd Hassan Merican, di pelancaran Petronas Dagangan MESRA LINK di sini hari ini.

Kenaikan harga petrol dan diesel diumumkan ketika pembentangan Belanjawan 2002 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lepas. Kenaikan itu adalah bagi mengurangkan subsidi yang kini berjumlah RM4.4 bilion, lebih separuh daripadanya adalah subsidi bahan Petroleum.

Sementara itu, MESRA LINK adalah pusat perkhidmatan pelanggan yang dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Pengarah urusan dan ketua eksekutif Petronas Dagangan, Anuar Ahmad, apabila ditanya tentang penguasaan syarikat itu dalam pasaran tempatan, beliau berkata syarikatnya menguasai 35 peratus pasaran dengan 600 stesen petrol di seluruh negara.

Beliau juga berkata Petronas Dagangan berharap akan membina 30 hingga 40 stesen baru setahun.

Tentang kesan penggabungan Exxon-Mobil terhadap syarikat itu, Anuar berkata: "Tentunya kami perihatin..... mereka adalah pesaing kami. Tetapi setakat ini, tidak banyak kesan yang dilihat."

Sementara itu, tentang operasi Petronas di Pakistan, Hassan berkata lapan pekerja syarikat itu yang terlibat dalam kerja menggerudi telah kembali kerana mereka telah menyiapkan Fasa Satu.

"Apabila selamat, mereka akan kembali ke Pakistan dan meneruskan fasa seterusnya," tambahnya. -- BERNAMA

MK KTC JR